

21 AUG 2002

Chong-Pas Kerja/I

KAKITANGAN BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN DI SABAH DIKECUALIKAN PAS KERJA

KOTA KINABALU, 21 Ogos (Bernama) -- Semua kakitangan dari Semenanjung dan Sarawak yang berkhidmat dengan badan-badan berkanun Persekutuan di Sabah akan dikecualikan daripada pas kerja tidak lama lagi.

Semasa mengumumkan demikian hari ini, Ketua Menteri Datuk Chong Kah Kiat berkata pengecualian pas kerja itu akan berkuatkuasa apabila beliau mengeluarkan arahan kepada Pengarah Jabatan Imigresen.

"Saya sudahpun memaklumkan kabinet negeri mengenai hasrat saya mengecualikan mereka (kakitangan) seperti yang berkhidmat di Lembaga Hasil Dalam Negeri dan Lembaga Koko Malaysia daripada peraturan mendapatkan pas kerja.

"Saya berharap ini dapat mengurangkan sebarang ketidakselesaian," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat mingguan kabinet negeri, di Wisma Innoprise, dekat sini.

Chong berkata pengecualian serupa untuk kakitangan awam dari Semenanjung dan Sarawak yang berkhidmat dengan jabatan-jabatan kerajaan Persekutuan di Sabah telah dilaksanakan.

"Kerajaan negeri akan memperluaskan pengecualian ini kepada kakitangan badan berkanun Persekutuan kerana mereka juga berkhidmat untuk negeri ini," katanya.

Terdapat kira-kira 3,000 kakitangan yang berkhidmat dengan 31 badan berkanun Persekutuan di Sabah.

Sementara itu, Chong menafikan dakwaan bahawa rakyat Filipina diberi layanan buruk semasa dihantar pulang menaiki kapal yang membawa mereka merentasi sempadan maritim kedua-dua negara ke selatan Filipina.

"Mereka sepatutnya menghantar pegawai mereka ke sini dan lihat sama ada kerajaan Malaysia melayan dengan buruk rakyat Filipina.

"Kalau mereka bimbang tentang rakyat mereka, mereka sepatutnya tahu bahawa tidak ada layanan buruk langsung...ia karut," katanya.

Semalam, Presiden Filipina Gloria Arroyo meminta bantuan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam mengawal selia penghantaran pulang beramai-ramai rakyat Filipina yang bekerja secara haram di Sabah.

Arroyo membuat permintaan itu dalam pertemuan dengan delegasi Malaysia yang diketuai Menteri di Jabatan Perdana Menteri Tan Sri Bernard Dompok.

Setiausaha Rendah Akhbar Roberto Capco berkata semasa pertemuan itu, Arroyo berkata kerajaannya "berharap rakyat Filipina yang dihantar pulang dari Sabah akan dilayan dengan baik."

Chong berkata jika kerajaan Filipina bimbangkan rakyatnya, ia sepatutnya menubuhkan pejabat konsulat besar di Sabah.

Ditanya mengenai jerebu di negeri ini, beliau berkata kerajaan negeri telah memohon kepada pihak berkuasa Kalimantan, Indonesia supaya segera mengatasi masalah itu yang berpunca daripada pembakaran terbuka di kawasan itu.

-- BERNAMA

NT NAK